



PERBADANAN SUKAN SARAWAK

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor / Pembekal yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Rujukan Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kategori, Kepala & Sub-Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
SSC/Q/01/2020	Membekal Dan Menghantar Alat Tulis Dan Bekalan Kertas Bagi Kegunaan Pejabat Kepada Perbadanan Sukan Sarawak Untuk Dua (2) Tahun [2020-2022]	Kategori C Kepala VIII Sub-Kepala 3 (b) & 3 (c)	100.00	13- 20 Februari 2020 8.00pagi-01.00petang 2.00petang-5.00petang	20 Februari 2020 12.00 Tengahari


2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau

wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen sebut harga dijual kepada kontraktor / pembekal yang layak.

3. Bayaran Yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **TUNAI** yang dibayar ke atas nama Perbadanan Sukan Sarawak dan pembayaran boleh dibuat di **Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.**
4. Contoh Dokumen Sebut Harga (*Dokumen Meja Sebut Harga*) boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **13 Feb 2020** hingga **20 Feb 2020** pada waktu pejabat di alamat **Unit Akaun, Perbadanan Sukan Sarawak, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.**
5. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor Rujukan Sebut Harga** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi
c/o Jawatankuasa Sebut Harga
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Tingkat 2, Stadium Sarawak, Jalan Stadium,
Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.

6. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
7. Perbadanan Sukan Sarawak tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

.....

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Sukan Sarawak

Tarikh:..........